

**Kerajaan Sabah Peruntuk Dana Untuk UMS Laksana Kajian Biodiversiti
Bernama
31 Julai, 2012**

KOTA KINABALU, 31 Julai (Bernama) -- Kerajaan Sabah memperuntukkan dana RM1.58 juta kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi melaksanakan penyelidikan terhadap sumber semula jadi Sabah.

Dana itu disalur menerusi Pusat Biodiversiti Sabah (SaBC) yang menandatangani perjanjian dengan UMS baru-baru ini, kata SaBC dalam satu kenyataan, di sini pada Selasa.

Perjanjian itu untuk tempoh dua tahun bermula 2012 hingga 2013 dan menerusinya UMS akan menyediakan kemudahan dan kepakaran dalam bidang berkaitan bagi meneroka potensi produk yang boleh dihasilkan daripada sumber berkenaan.

Sebanyak 300 spesies terpilih iaitu 150 spesies marin dan baki spesies daratan Sabah yang akan dianalisis potensi antikanser dan antioksidan masing-masing.

SaBC berkata selain itu, kerjasama tersebut juga bagi membentuk pangkalan data spesimen.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684491>

